

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 APRIL 2016

Dr. Mahathir perlu minta maaf kepada PM, rakyat

Um - 17/4/2016

KOTA BHARU 16 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa memohon maaf kepada Datuk Seri Najib Tun Razak dan seluruh rakyat ekoran tindakannya sebelum ini yang berterusan menfitnah Perdana Menteri berhubung isu dana RM2.6 bilion.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, Perdana Menteri selama ini telah berulang kali menyatakan bahawa dana tersebut disumbangkan oleh kerajaan Arab Saudi dan perkara itu disahkan sendiri oleh Menteri Luarnya kelmarin.

Beliau berkata, pengesahan tersebut juga sekaligus menjawab segala fitnah jahat yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir dan pakatan pembangkang kepada Najib selama ini.

"Dr. Mahathir perlu bertanggungjawab di atas segala perbuatannya menyerang Perdana Menteri. Dr. Mahathir selama ini tidak putus-putus menuduh dana RM2.6 billion itu datangnya dari 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"Akhirnya kebenaran terbukti, Dr. Mahathir perlu meminta maaf kepada Najib dan seluruh rakyat di atas perbuatannya itu sehingga me-



Dr. Mahathir perlu bertanggungjawab di atas segala perbuatannya menyerang Perdana Menteri. Dr. Mahathir selama ini tidak putus-putus menuduh dana RM2.6 billion itu datangnya dari 1Malaysia Development Bhd (1MDB)."

**SALLEH SAID KERUAK
Menteri Komunikasi dan Multimedia**

nyebabkan negara kita dipandang negatif selain merosakkan imej baik Malaysia di mata dunia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Mesra Siswa Perdana 2016 Parlimen Ketereh di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kadok di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Jelajah Pendidikan Bumiputera, Prof. Tan Sri Sahol Hamid Abu Bakar.

Menteri Luar Arab Saudi, Adel al-Jubeir yang bercakap kepada wartawan Malaysia di Instambul kelmarin mengesahkan sumbangan derma RM2.6 bilion daripada keluarga diraja Arab Saudi yang masuk ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri adalah tulen tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripadanya.

Adel juga mengambil maklum kes berkenaan ditutup dengan Peguam Negara, Tan Sri Apandi Ali telah meneliti secara terperinci perkara tersebut dan mendapati tidak ada sebarang salah laku.

Mengulas lanjut, Salleh berkata, fitnah Dr. Mahathir berhubung isu tersebut adalah didorong demi kepentingan peribadi, bukan untuk Malaysia atau rakyat.

"Saya tidak faham, mengapa Dr. Mahathir masih tidak boleh menerima apa sahaja yang diputuskan mengenai isu ini. Tindakan Dr. M dilihat terlalu peribadi, politik seperti itu, tidak sihat untuk negara kita," katanya.